




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 11 RABU 12 MACH, 1969 1388 رابو 22 ذوالحججه PERCHUMA

Majlis Keselamatan Jalan Raya akan di-tubuhkan

TUTONG — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh telah menyatakan bahawa pengkajian untuk menubuhkan Majlis Keselamatan Jalan Raya sedang di-jalankan pada masa ini.

Beliau menyatakan bahawa kempen keselamatan jalan raya akan dapat di-jalankan dengan chara meluas dan menda-tangkan kesan dengan ada-nya majlis itu nanti.

Kenyataan ini di-bentangkan beliau dalam sidang Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang berlangsung pada 6 Mach lepas bagi menjawab satu usol Awang Haji Hanafi bin Md. Daud (Pekan Tutong) yang di-kemukakan-nya dalam persidangan Ke-lima tahun lepas.

Pengiran Othman menerangkan bahawa majlis itu biasa-nya ada-lah suatu badan suka-rela dengan ahli2-nya terdiri dari raayat yang bersedia untok memberikan perkhidmat-an2 sa-chara suka-rela juga.

Ahli2 majlis itu nanti, kata-nya, ada-lah terdiri dari orang2 yang faham atas tugas2 majlis itu sama ada di-segi teknikal,



Pengiran Othman

Hakim Besar tiba di-Brunei



undang2 dan lain2-nya yang bersangkutan paut dengan keselamatan jalan raya dan lalu lin-tas.

Beliau berkata bahawa Ma-jlis Keselamatan Jalan Raya yang akan di-tubuhkan itu tidak-lah hanya menjalankan tugas2-nya di-daerah2 yang tertentu sahaja bahkan ka-seluruh daerah termasuk Daerah Tu-tong.

Menurut jawapan yang di-bentangkan beliau selaku pe-ngerusi persidangan itu bahawa pengkajian penubuhan majlis tersebut sedang di-laksanakan oleh Pihak Jabatan Kenderaan Darat Negeri Brunei.

Awang Haji Hanafi dalam persidangan yang ke-lima ta-hun 1968 itu telah mengusolkan supaya pehak yang ber-kenaan akan dapat melancarkan kempen keselamatan jalan raya di-daerah Tutong sa-chara meluas dan mendalam supaya pemandu2 sentiasa dalam keadaan yang chermat dan selamat ketika memandu ken-deraan.

Jawapan2 dan ulasan2 kerajaan terhadap usol2 yang telah di-luluskan dalam sidang ke-tiga, ke-empat dan ke-lima pada tahun lepas itu juga telah mengulas tiga usol yang lain.

Awang Maidin bin Isa (Kupang/ Birau) telah mengusolkan supaya Kerajaan memba- sa-buah kelinik untok Kampung Kupang.

(LIHAT MUKA 8)

BANDAR BRUNEI — Ha-kim Besar, Sir Michael Hogan telah tiba dari Hong Kong dengan kapal terbang pada hari Isnin lepas bersama Tuan Ha-kim Armstrong Higgins dan Tuan Hakim Blair Kerr.

Sa-tiba-nya di-lapangan ter-bang, mereka telah di-sambut oleh Peguam Negara, Dato Utama Idris Talog Davies, Setia Usaha Pertama kepada Su-rohanjaya Tinggi British, Awang E.W. Bird dan pega-wai2 dari Jabatan Kehakiman.

Tuan Hakim Armstrong Higgins kemudian-nya telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana kerana mengangkat sumpah sa-bagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Brunei.

Pagi semalam Hakim Besar itu telah memeriksa satu ba-risan kehormatan yang terdiri dari Pulis Di-Raja Brunei di-hadapan bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-Bandar Brunei (gambar atas).

Sa-telah itu beliau bersama Tuan Hakim Blair Kerr dan Tuan Hakim Armstrong Hig-gins telah mendengar perkara2 rayuan di-Mahkamah Tinggi Bandar Brunei.

Pelaksanaan projek2 perkembangan untok faedah semua pehak

KUALA BELAIT — Pega-wai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin mene-rangkan bahawa Kerajaan tidak-lah memberikan keuta-maan kapada satu2 pehak sa-haja dalam soal pelaksanaan projek2 perkembangan di-dae-rah itu.

Beliau menegaskan bahawa segala projek2 perkembangan itu ada-lah di-laksanakan mengikut persesuaian-nya ter-utama yang benar2 menda-tangkan faedah dan kesenan-gan untok semua pehak.

Kenyataan ini di-buat be-liau dalam kertas2 jawapan terhadap soalan2 bertulis yang di-kemukakan oleh tiga orang ahli Majlis Mashuarat Daerah

itu yang bersidang pada 6 Mach lepas.

Yang Berhormat, Awang Zainal Abidin bin Puteh mengemukakan tiga soalan mengenai dengan bekal-an letrik di-Kampung Pandan, pembubohan minyak tar ka-atas jalan raya di-Jalan Sungai Pandan dan kedudukan tanah di-tempat membuat arak yang berhampiran dengan rumah penyembelihan ker-bau di-Kuala Belait.

Kertas jawapan itu menyatakan bahawa bekalan letrik ka-Kampung Pandan akan di-laksanakan meng-ikut keutamaan mustahak-nya sa-perti yang di-lakukan di-sepanjang jalan besar Seria dan Belait hingga ka-Batu 4 dan Pekan Seria.

Bagitu juga dengan lanjutan kerja2 membuboh minyak tar ka-atas jalan raya di-Sungai Pandan akan di-laksanakan sapertimana kerja2 memperbaiki sepanjang jalan besar dari Kuala Belait ka-Seria.

(LIHAT MUKA 8)

Bekalan ayer utk penduduk2 Mukim Labi

KUALA BELAIT. — Penduduk2 di-kawasan Mukim Labi, Ulu Belait akan mendapat bekalan ayer dalam tahun ini.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail ketika mengumumkan perkara ini berkata, kerja2 memasang saloran paip ayer di-Mukim itu telah pun selesai kechuali pemasangan sa-buah tangki besar yang akan dibuat di-belakang bangunan Balai Pulis Labi yang ada sekarang.

Pengiran Dato Paduka Momin berkata, ayer akan di-tarik dari dua buah kolam di-kawasan itu yang berhampiran dengan bekas Sekolah Melayu Labi.

Beliau berkata, apabila ranchangan itu selesai nanti, penduduk2 di-kawasan itu yang di-taksirkan berjumlah kira2 dua ribu orang akan mendapat bekalan ayer karumah2 mereka pada tahun ini.

Projek yang menelan belanja sa-banyak \$730,000.00 itu adalah di-bawah ranchangan luar Bandar Daerah Belait dan kerja2 di-laksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Baharui lesen dengan segera

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Perikanan Negara, Dr. E. Birkenmier telah mengingatkan nelayan2 supaya membaharui lesen2 menangkap ikan mereka bagi tahun ini.

Beliau berkata, nelayan2 yang menggunakan alat2 penangkap ikan yang tidak mempunyai lesen boleh didenda.

Nelayan2 juga di-ingatkan bahawa lesen hanya dapat di-ambil untuk satu andang sahaja dan penggunaan lebeh dari satu andang bagi satu lesen adalah tidak di-benarkan.

Di-Daerah Belait lesen2 boleh di-baharui di-pejabat Laut pada tiap2 hari Khamis dan Sabtu.

Di-Tutong pada tiap2 hari Selasa mulai pukul 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dan di-Muar pada tiap2 hari Rabu pertama sa-tiap bulan di-Jabatan Kastam dari pukul 9.00 hingga 11.00 pagi.

Jabatan Perikanan di-Bandar Brunei mengeluarkan lesen2 pada tiap2 hari kechuali hari Selasa dan Rabu yang pertama sa-tiap bulan.

TUJUH USOL DI-LULUSKAN DALAM M.M. DAERAH TUTONG

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh berkata, ada-lah kewajipannya untuk melihat supaya daerah itu juga akan mendapat bahagian dalam pembangunan dan melihat supaya projek2 itu di-laksanakan dengan baik.

Pengiran Othman yang berucap dalam sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Tutong pada hari Khamis yang lalu berkata:

"Apa saja projek yang di-ranchangkan untuk daerah itu hendak-lah berpatutan dari segi kewangan kerajaan dan sa-terus-nya mendatangkan faedah kapada raayat."

Beliau berkata, projek2 seperti itu memerlukan ranchangan dan oleh yang demikian mereka tidak dapat di-laksanakan semua sekali.

Pengiran Othman mengingatkan ahli2 tentang tanggung-jawab mereka.

Beliau berkata, tugas mereka bukan hanya untuk meminta kemudahan2 bagi raayat tetapi juga menasihati beliau tentang chara yang baik sekali bagi memenohi permintaan itu.

Majlis itu telah meluluskan tujuh usol yang di-bentangkan oleh ahli2 majlis itu.

Awang Haji Hanafi bin Mohammad Daud — wakil Pekan Tutong — menasihatkan Pegawai Daerah supaya pehak jabatan yang berkenaan membena sa-buah tempat penarohkan kereta di-tanah lapang di-belakang Masjid Hassanah Bolkiah.

Beliau membentangkan dua usol yang lain.

Usol2 itu ia-lah meminta kerajaan supaya mengadakan gerai pasar selira di-Pekan Tutong dan meminta kerajaan membuat pagar di-tepi jalan raya di-batu 26½ Kampong Panchor Papan.

Awang Maidin bin Isa — Wakil Kupang/Birau mengemukakan satu usol yang me-

mintanya supaya pehak yang berkenaan membena tempat2 perhentian bus untuk kanak2 sekolah di-sepanjang jalan Daerah Tutong.

Awang Munchong bin Akai — wakil kawasan Kiudang telah membentangkan dua usol.

Beliau meminta kerajaan supaya menempatkan sa-orang bidan Kerajaan di-Kampong Kiudang dan juga meminta supaya membena sa-buah balai raya di-kampong itu.

Awang Yahya bin Mohammad Said — wakil kawasan Sinaut — telah meminta kerajaan membena sa-buah balai raya di-Kampong Bukit Panggal dengan sa-cheput mungkin.

Sambutan Hari Raya Aidil Adha persatuan IBB

BERAKAS. — Persatuan Ikatannya Belia Berakas telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidil Adha di-Dewan rumah persatuan tersebut pada 1 Mach yang lalu.

Sambutan pada malam itu telah di-rasmikan oleh Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Haji Damit bin Pengiran Sunggoh.

Dalam ucapan ringkas-nya ketika merasmikan sambutan tersebut, Yang Berhormat itu telah menyeru ahli2 persatuan IBB supaya mengamalkan semangat bekerjasama bagi meninggikan taraf membantu dan membela nasib masharakat di-sekitar persatuan itu khas-nya dan seluroh negeri am'-nya.

Beliau juga menyeru beliau2 di-empat buah kampong ia-

Maseh ada peti2 surat untuk di-sewa

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Ketua Pos Agong, Awang Mohammed Jaafar bin Haji Mohammed Daud telah menyeru orang ramai yang ingin mempunyai peti2 surat di-Pejabat Besar Pos, Bandar Brunei supaya menyampaikan permohonan mereka seberapa segera, kerana maseh ada-lagi beberapa buah peti surat yang maseh kosong.

Permohonan2 hendak-lah di-buat melalui borang2 yang tertentu.

Setakat ini pejabat tersebut telah memberikan sa-banyak 1,363 buah peti surat.

itu Kampong2 Orang Kaya Besar Imas, Pancha Delima, Delima Satu dan Anggerak Desa supaya mengabangkan diri untuk sama berganding bahu dengan sahabat2 mereka yang telah menjadi ahli persatuan IBB.

Turut memberikan ucapan pada malam itu ia-lah Pengerusi Sambutan, Pengiran Yassin bin Pengiran Othman.

Beberapa acara yang berupa persambahan2 tarian, lawak jenaka dan sa-buah drama telah di-persembahkan pada malam itu.

Kemunchak dari acara dalam sambutan itu ia-lah peraduan menyanyi lelaki dan perempuan.

Johan lelaki telah di-menangi oleh M. Aminuddin sementara bahagian perempuan pula ia-lah Dayang Siti Ana.

Suntekan BCG di-sambong sa-mula

BANDAR BRUNEI. — Suntekan BCG telah di-sambong semula di-klinik kesihatan di-Bandar Brunei mulai 10 Mach lepas.

Pegawai Kesihatan, Dr. Paik mengingatkan ibu-bapa supaya membawa anak2 mereka yang belum mendapat suntekan BCG ka-klinik tersebut.

Klinik itu memberikan suntekan BCG pada tiap2 hari Isnin.



Gambar menunjukkan salah sa-buah tarian yang di-persembahkan dalam sambutan Hari Raya Aidil Adha anjoran persatuan IBB pada 1 Mach lepas.

BANGUNAN2 indah, banyak terseragam di-negara kita ini, ada-lah diperchayai bilangan-nya akan makin bertambah dari sa-tahun ka-sa-tahun, di-samping itu kemudah2an yang disediakan oleh Kerajaan untuk kesenangan dan kepentingan raayat penduduk negeri ini makin sa-hari makin banyak, kita bershukor ka-hadzrat Allah di atas nikmat yang di-berikan-nya kepada kita itu.

Dalam pada itu ada-lah menjadi kewajiban raayat penduduk negeri ini untuk memelihara keindahan2 itu dan menggunakan kemudah2an yang disediakan menurut yang sa-mesti-nya, tetapi telah berlaku kejadian2 yang kurang menyenangkan atau lebeh tepat apa yang di-katakan dalam bahasa kita Brunei sa-hari2 ini telah terjadi perbuatan2 "PUGUT" atau telah ada "sipugut2" dalam negeri kita ini.

Untuk lebeh jelas mengenai perkara ini biar-lah di-bachakan sa-penoh-nya lidah pengarang "Pelita Brunei" akhbar rasmi Kerajaan Negeri Brunei keluaran 8 haribulan Februari, 1969 yang mana saperti berikut:

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin baharu2 ini menyeru penduduk2 di-Seria supaya sama2 memelihara bagi kesempurnaan perkakas2 yang terdapat di-Bilek Bachaan dan dengan itu perkakas2 yang terdapat di situ akan di-pakai lebeh lama lagi. Beliau meminta Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Belait yang mewakili kawasan2 di-Seria supaya dapat menyumbangkan jasa baik mereka untuk memberikan nesihat2 kepada belia2 bagi menolong menghindarkan kerosakan2 perkakas2 terutama kerusi meja dan buku2 serta majalah2 yang terdapat di-situ.

Seruan itu di-luahkan bukanlah merupakan sa-suatu yang tidak bersandarkan kenyataan. Seruan itu terbit dari "kesukaan yang merugikan" di-kalangan sa-tengah2 anggota masyarakat kita.

Belum lama dahulu telah diikuti sungutan2 dari perbuatan2 jahat yang di-lakukan oleh orang2 yang suka menyakit hati orang dengan "mengarit2 kerita" mematah2kan arial radio kerita dan menghunting2 kerita sama ada dengan tanah mahu pun dengan chat, akhir2 ini timbul pula perbuatan2 yang serupa, Kerajaan membena pondok2 talipon di-kampung2 untuk menyenangkan mereka membuat pangilan2 yang menurut kehendak mereka. Tetapi malangnya sa-telah itu di-rosakan dan ada yang rosak berat saperti pintu-nya "pukah" dan jendil2 chermin-nya pecah dan

talipon-nya pula di-semboi dengan tanah dan kadang2 didapati tong2 duit-nya di-isikan kertas, pasir dan besi2 nipis.

Dewan Raya berumur belum sampai sa-tahun, tetapi beberapa biji kerusi yang bertilam empok di-dapati "charek" dan charekan-nya itu dapat di-kesan ia-lah di-sebabkan benda yang tajam saperti pisau atau paku.

Apakah faedah-nya yang didapati dari perbuatan ini? Faedah-nya bagi orang2 yang

Perbuatan2 "pugut" terhadap harta benda hanya merugikan dan membazirkan wang

KHUTBAH JUMA'AT

Kita harus berusaha untuk memelihara harta benda, sama ada kepunyaan kita atau pun kerajaan.....

5,961 orang belajar di-kelas2 dewasa U gama

BANDAR BRUNEI — Sa-ramai 5,961 orang termasuk 3,634 orang perempuan sekarang menghadhiri kelas2 dewasa U gama di-182 buah pusat di-seluruh negeri tahun ini. Pembahagian angka pelajar2 yang menghadhiri kelas2 di-tiap2 daerah ia-lah, Brunei/Muara — sa-ramai 3,110; Tutong, — 1,170 orang; Belait — 829 orang dan Temburong — 632 orang.

Pada tahun lalu sa-ramai 5,600 orang telah menghadhiri kelas2 dewasa U gama.

waras sudah tentu tidak ada, bahkan rugi-nya berganda2. Raayat akan bertambah susah jika kerajaan bertindak memutuskan bekalan2 talipon itu. Dewan raya akan di-tutup dan akan di-adakan kempen sa-hebat2-nya untuk menangkap dan menghukum orang2 yang berkelakuan jahat itu. Akhirnya mereka juga yang rugi kerana perbuatan bodoh mereka. Kalau perbuatan2 jahat itu di-kalangan belia2, maka hal itu boleh memudahkan imej belia

tahan ayer dan tindakan2 harus di-lancharkan oleh seluroh persatuan2 belia bagi mengadakan kursus2 tata raayat dan disiplin kehidupan atau tindakan2 yang di-fikirkan lebeh berkesan.

Kalau perbuatan itu dari kanak2, maka ibu bapa haruslah mengawal mereka dengan chara yang sesuai. Di-sekolah sudah tentu di-ajarkan tata tertib yang menyelurohi aspek2 kehidupan tetapi ada-lah berkesan lagi kalau murid2 itu dibekalkan dengan sharahan disiplin sa-kurang2-nya saminggu sa-kali atau mengadakan chara2 yang di-fikirkan lebeh berkesan.

Oleh yang dimikian, kita hendak-lah berusaha untuk menjaga dan memelihara harta benda, sama ada harta benda kita sendiri, mahu pun harta benda Kerajaan kerana perbuatan "pugut" terhadap harta benda itu ada-lah mendatangkan kerugian dan juga membazirkan wang.



Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 12 Mach, 1969 hingga ka-hari Selasa 18 Mach, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Bulan Sawan (m.)								
Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
12	Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27
13	Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27
14	Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27
15	Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27
16	Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25
17	Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25
18	Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

12 Mach, 1969.

KESELAMATAN JALAN RAYA

LALU lintas menjadi satu masalah yang sentiasa membawa perkembangan2 yang baru dan lebeh2 lagi berikutan dengan bertambahnya bilangan kenderaan2 dan pengguna2 jalan raya yang mempunyai berbagai2 ragam.

Dari berbagai ragam itu tali temali kita ikuti tegoran2 yang sehat dan amat berguna untuk di-perhatikan dengan kepala yang dingin baik yang menyentuh kechuaihan pemandu2, sistem jalan raya dan berbagai2 espek yang berkaitan dengan lalu lintas.

Lebeh2 lagi tegoran2 yang sering di-buat terhadap pemandu2 yang chuai yang lagaknya sa-olah2 tidak mau memikirkan keselamatan orang lain yang juga sama2 mempunyai hak untuk menggunakan jalan raya. Semua pengguna2 jalan raya ada-lah tidak terkeluar dari peratoran2 lalu-lintas dan peratoran2 itu pula bukan-lah yang merupakan tidak patut untuk di-patohi.

Kalau semua pemandu2 mematuhi peratoran2 lalu-lintas dan mengamalkan "penghormatan" di-jalan raya, maka kemalangan akan berkurangan bahkan kemungkinan-nya amat besar yang Brunei berseh dari kemalangan2 tersebut.

Untuk mengurangkan kemalangan di-negeri ini, berbagai2 shor telah di-buat termasuk mengadakan kempen keselamatan jalan raya. Shor ini merupakan satu shor yang baik, tetapi kesan-nya yang baik akan dapat di-chapai sekiranya pemandu2 dan pengguna2 jalan raya bersedia untuk tidak "mencheruboh" peratoran2 yang telah di-tetapkan di-samping penyertaan "commonsense" dalam diri tiap2 pengguna jalan raya.

Walaupun begitu, tidak lama lagi akan di-tubuhkan Majlis Keselamatan Jalan Raya yang tugas-nya sudah tentu untuk keselamatan jalan raya di-negeri ini.

Badan ini ada-lah badan sukarela yang ahli2-nya terdiri dari orang2 yang sanggup berkhidmat dengan sukarela juga dan mereka ini nanti ada-lah orang2 yang faham atas tujuan dan tugas2 majlis itu sama ada di-segi teknikal, undang2 dan lain2-nya.

Kejayaan majlis itu nanti bergantung kepada kerjasama yang di-berikan oleh pengguna2 jalan raya dan kesediaan mereka untuk bekerjasama itu ada-lah sangat2 di-perlukan.

Sejarah Rengkas Kemasokan Islam Ka-Brunei



Awang Yahya

NAMA Negeri Brunei asal-nya diambil dari pada perkataan Sanskrit "Varunai" yang berarti "Turunan Laut" atau "Kelahiran Laut".

Sa-orang ahli Ilmu Alam Bangsa Greek bernama "PTOLEMY" dalam bukunya bernama "Petunjuk Ilmu Alam dalam tahun 150 Masehi mengatakan "ada sa-buah pulau di-Timur ini bernama "IABADIOU" yang berarti Pulau Jelai, ia itu-lah nama pertama Pulau Borneo tempat negeri Brunei. Dalam sejarah Negeri China yang ditulis dalam tahun 516, 518 dan beberapa tahun kemudian-nya, mengatakan bahawa perhubungan Negeri Brunei dengan Negeri China telah bermula awal tahun 500 hingga 1500. Perhubungan ini wujud dalam suasana timbul tenggelam, sekejap ada sekejap tiada, tapi berjalan terus berabad2.

Dalam masa pemerintahan Maharaja "Huang-Wu" tahun 1398-1402 Maharaja itu menulis dalam tahun 1389 demikian: "Dalam masa permulaan pemerintahan kami, berbagai bangsa telah membuat hubungan dengan China. Utusan2 mereka tak pernah putus2 dan para pedagang merasa amat gembira sekali. Bangsa2 itu ada-lah seperti Annam, Cham-pa, Kemboja, Siam, Java, Ryuku, Si Vijaya, Brunei, Pahang."

Di-riwayatkan bahawa ada sa-buah Negeri yang bernama Po-li atau P'o-li atau Po-ni yang jauh-nya 45 hari perjalanan dari Negeri China, tiap2 tahun menghantarkan duta2-nya ka-Negeri China membawa upi. Marco Polo penggambar Italia itu pernah mengatakan bahawa perhubungan perniagaan Brunei dengan China telah maju pada tahun 1292.

Dalam bulan Oktober, 1405 Maharaja China telah menghantarkan Duta-nya ka-Brunei. Dan dalam tahun 1408, Maharaja China telah pula menyambut rombongan dari Brunei,

lalu di-hadiahkan sa-buah batu bertulis Di-Raja China yang bernama "Gunong Negara", kerana menghormati kedatangan Raja Brunei yang ikut serta dalam rombongan itu bersama2 dengan sa-orang putera-nya. Raja itu kemudian telah mangkat di-Nanking dan digantikan oleh putera-nya tadi.

Dalam sejarah China juga menyebutkan hanya tiga buah negara yang pernah di-hadiahkan batu Gunong Negara itu, ia-itu Jepun pada tahun 1406, Brunei pada tahun 1408 dan Kochin pada tahun 1416 disamping Negeri Melaka.

Dalam kurun yang ke-4, penduduk Pulau Borneo sudah di-datangi oleh pengembang2 ugama Hindu dari Pulau2 Indonesia. Oleh sebab itu dalam buku epic Hindu "Ramayana" di-sebutkan nama Pulau Borneo dengan nama "YAVAD-VIPA" yang berarti Pulau Emas Perak. Ini-lah Hindu bagi Pulau Borneo. Dalam kurun ke-12 hingga ke-14, Kerajaan Melayu Seri Wijaya telah berkuasa di-sa-bahagian besar kepulauan Melayu; kemudian berkuasa pula Majapahit Jawa, dan sa-bahagian besar Pulau Borneo telah menjadi naungannya. Di-riwayatkan bahawa Negeri Brunei pada tiap2 tahun menghantarkan upi sa-tempayan ayer pinang muda ka-Majapahit.

Dalam shaer karangan Prapancha bernama "Negarakartagama" ada di-sebutkan bahawa Brunei ada-lah daerah naungan Majapahit yang ke-23. Dan hasil dari pernaungan ini banyak-lah kesan2 peninggalan Hindu yang sampai sekarang ada juga yang tinggal kekal. Bahasa Hindu telah dipakai oleh Brunei terutama sekali dalam kalangan Istana Raja2 Brunei.

OLEH

Awg Yahya Hj. Ibrahim,
M.A. (Azhar, Mesir)

SEJARAH Rengkas Kemasokan Islam Ka-Brunei ini ada-lah di-sesuaikan daripada skrip lakunan pentas yang di-tulis oleh Awang Yahya bin Haji Ibrahim, M.A. (Azhar, Mesir) yang sekarang berkhidmat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Lakunan tersebut telah di-pentaskan di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada 8 Ogos, 1968 sa-bagai salah satu acara sambutan Kepuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Semoga dengan usaha ini akan dapat membantu bagi menambahkan pengetahuan kita, terutama jenerasi2 baru untuk mengetahui bagaimana mula-nya Ugama Islam berkembang di-Negeri Brunei yang menjadikan-nya Ugama Rasmi.

Pada masa cherita ini bermula, kita telah berada di-awal kurun ke-15, dan Raja Brunei pada masa itu ia-lah Awang Alak Betatar, dan dialah Raja Brunei yang mula2 di-sebutkan oleh Salasilah Raja2 Brunei yang di-tulis pada tahun Hijrah 1221 yang ada di-Makam Damit, Bukit Panggal, Bandar Brunei itu. Sa-belum itu tidak-lah di-tuliskan nama Raja2 Brunei.

Dengan bermula-nya Kerajaan Brunei di-bawah pemerintahan Awang Alak Betatar itu, bermula-lah sejarah Negeri Brunei sa-bagai Negara yang besar bersemarak di-Alam Melayu, Negara yang menchatetkan tinta emas dalam kehidupan dan kebudayaan manusia Timur. Dan dengan terditi-nya Kerajaan Brunei itu juga perlahan2 Brunei telah berenggang dari ikatan China dan Majapahit, yang akhir-nya telah di-putuskan sama sekali. Kerana pada masa ini-lah Ugama Islam telah mulai menyebar di-Alam Melayu, di-datangkan dari pusat asal-nya di-Mekah dan Madinah, lalu melampaui lautan luas hingga sampai ka-Sumatera, ka-Melaka dan ka-Brunei sendiri. Dan akhir-nya dengan kedatangan Ugama baharu itu, jatoh-lah Seri Wijaya Majapahit, hapus-lah pula kekuasaan Hindu, Tinggal-lah Kerajaan2 Kecil yang bebas sendiri hidup di-bawah pengaruh dan lindungan Islam yang baru.

Dalam masa ini Ugama Islam telah datang ka-Alam Melayu. Pedagang2 Islam dari bangsa2 India telah berduyun2 datang dari pantai Koromandel, dari Gujerat, dari Bombay; dari Tanah Arab pula bangsa2 Arab yang berdagang tiba dari Yaman, dari Hadzramaut dan dari tempat2 lain.

SEJARAH RENGKAS KEMASOKAN ISLAM KA-BRUNEI

Di-samping berniaga, mereka telah menjadi pengembang2 Ugama Islam yang amat pesat kejayaan-nya.

Dengan demikian-lah Ugama Islam mudah berkembang di-kalangan penduduk negeri2 yang di-datangi. Sementelah pula terjadi-lah persemendaan di-antara yang datang dengan yang ada, maka terdiri-lah kaum keluarga baharu menyambung yang jauh dengan yang dekat, dan besar-lah jadi-nya umat Islam.

Di-antara kapal2 pedagang yang datang dan singgah berniaga di-Alam Melayu ini, banyak-lah tujuan2-nya tiada berketahuan lagi, mengikut haluan yang menguntungkan dan mengikut sambutan para pembeli.

Di-antara kapal2 yang belayar itu termasuk-lah sa-buah kapal dagang dari Melaka yang lalu dari Negeri Arab, dan di-antara penumpang-nya ia-lah sa-orang Bangsaawan Arab bernama Sharif Ali.

Mengikut riwayat-nya Sharif Ali berasal dari Kota Thaif dan daripada keturunan Sayyidina Hassan bin Ali bin Abu Talib, keluarga Rasul Allah Muhamad s.a.w. dan beliau mengambara, hingga-lah sampai ka-negeri2 Melayu, dan sampai-lah akhir-nya ka-Brunei.

Sharif Ali ada-lah orang Islam yang pertama datang ka-Brunei, orang Islam yang pertama yang menjejakkan kaki ka-Balai Penghadapan Istana Awang Alak Betatar dan agaknya beliau-lah orang Arab pertama datang ka-negeri ini.

Dari sini bermula-lah kisah sejarah baru Negeri Brunei. Keadaan gelap gelita dalam zaman Hindu telah bertukar menjadi suasana yang gilang gemilang di-bawah lindungan dan kedatangan Ugama Islam, satu perubahan baru yang mentenangkan jiwa manusia Brunei. Pada hari yang kita kesahkan ini bermula-lah sejarah Islam di-Brunei di-bawa oleh Sharif Ali dan bermula-lah ia berkembang dari dalam lingkungan Istana merayap keseluruh negeri.

Kedatangan Islam telah di-mulai dalam suasana yang aman dan damai, tidak dengan kekerasan dan kekuatan. Inilah yang menunjukkan Rahmat Tuhan yang amat mulia. Sharif Ali-lah yang mula mengajarkan Kalimat Tuhan kepada Raja Brunei dan kepada sekalian raayat-nya.

Kemudian tiba-lah masa bagi Ugama Islam di-sebar dan di-anuti di-Negeri Brunei. Penduduk2 Istana dan hamba raayat sekalian-nya pun ber-kampong-lah di-kawasan Istana. Bukan-lah hari sa-barang hari, hari dan sa'at yang maha suci kudus wangi lagi berkat. Kerana mereka menanti2 sa'at

Raja Brunei, Awang Alak Betatar masuk Islam, di-Islamkan oleh Sharif Ali.

Dengan Islam-nya Awang Alak Betatar itu, tiba-lah peranan Raja Brunei yang baru Islam ini untuk mengembangkan bersama2 ugama baru itu. Dari sini-lah bertolak-nya perkembangan Islam di-Negeri Brunei, dari Istana turun ka-rumah2 raayat. Maka di-titahkan-lah sa-orang akan menulis titah:

Bahawa pada hari itu telah Islam-lah Raja Brunei, Awang Alak Betatar dan bahawa pada hari itu telah bertukar-lah nama-nya kepada Baginda Sultan Muhammad, mengambil sempena nama Nabi Kita Muhammad s.a.w. Rasul Pilehan Tuhan yang akhir sekali. Dan di-maktubkan-lah titah bahawa hendak-lah raayat sekalian bersegera memeluk Ugama Islam yang maha suci ini.

Maka dalam Sejarah Brunei, untuk pertama kali-nya suara Azan pun di-laungkan dari atas Kota menyeru penduduk Brunei berlumba2 kepada Ugama Allah dan berlumba2 mencha-pai kemenangan.

Maka Sharif Ali pun mengajarkan Fardzu Sembahyang kepada Sultan Muhammad sebagai langkah pertama ka-arrah pembenaan ugama Islam di-bumi Brunei Darus-Salam.

Dalam Salasilah Raja2 Brunei yang di-tulis di-Makam Damit itu, berbunyi demikian: "Maka ada-lah yang pertama Kerajaan di-Negeri dan membawa Ugama Islam dan mengikut Shari'at Nabi kita Muhammad s.a.w., ia-itu Paduka Seri Sultan Muhammad dan saudara-nya Sultan Ahmad." Maka jadi-lah Brunei sa-buah Kerajaan Islam.

Beberapa lama kemudian Awang Alak Betatar pun mangkat dan yang menggantikan Baginda ia-lah Pateh Beraib yang juga sudah masuk Islam dan mengambil nama Sultan Ahmad, Awang Simaun juga sudah lama hilang, dan tidak-lah di-ketahui di-mana mereka ini di-makamkan dengan sa-tepat2-nya. Sejarah Brunei tidak menyebutkan hal itu.

Ada-pun Baginda Sultan Ahmad telah berkahwin dengan adinda Raja China dan mendapat sa-orang puteri. Untuk membalas jasa Sharif Ali yang mengIslamkan Negeri Brunei ini, maka Sultan Ahmad telah mengambil Sharif Ali menjadi menantu berkahwinan dengan puteri baginda tadi. Ini-lah istiadat perkahwinan Raja2 yang di-jalankan mengikut hukum Undang2 Ugama Islam.

Masa beredar dan keadaan bertukar dengan chepat. Negeri Brunei semakin lama semakin besar dan berdaulat. Tiada lama kemudian, maka lindung-

lah Sultan Ahmad, Baginda pun di-gantikan oleh Sharif Ali yang bergelar Sultan Berkat.

Dalam Salasilah Raja2 Brunei di-sebutkan: Sultan Ahmad beranak sa-orang perempuan dengan isteri-nya saudara Raja China yang di-ambil dari China Batangan. Puteri itu-lah yang di-ambil oleh Sharif Ali yang turun dari Negeri Thaif. Maka Sharif Ali itu-lah Kerajaan, di-namai akan dia Paduka Seri Sultan Berkat. Ia-lah yang mengersakan Shari'at Rasul s.a.w. dan berbuat Masjid dan segala raayat China berbuat Kota Batu, Tuan Sharif Ali itu panchir salasilah daripada Amirul Mu'minin Hassan ia-lah chuchu Rasul Allah. Maka Paduka Seri Sultan Berkat itu beranakkan Paduka Sultan Sulaiman.

Di-bawah pemerintahan Baginda ini-lah Brunei telah maju menjadi pusat penyiaran Ugama keseluruh Kepulauan Borneo dan ka-Pulau2 Sulawesi, Ternate, Tidore, Pulau2 Pilipina dan lain2 tempat.

Banyak-lah perubahan2 dalam adat istiadat Negeri Brunei, unsur2 ka-Hinduan telah beransur2 lenyap dan berubah bersesuaian dengan Ugama Islam dan pengajaran-nya. Kebudayaan Islam telah meresapi hidup Brunei, sa-hingga-lah ka-zaman ini.

Ketika Negeri Melaka jatuh pada tahun 1511, di-tawan oleh Portugis, Negeri Brunei telah tetap terpelihara di-kawal oleh para parajurit dan para pahlawan yang gagah berani dengan semangat Islam dan ke-

bangsaan yang sukar di-tandangi. Anthony Pigafetta sa-orang Ahli sejarah dan pengambara bangsa Italy yang datang ka-Brunei pada tahun 1521 telah mengakui akan kebesaran dan kegagahan Brunei, walau pun pada masa itu sudah beberapa ratus tahun Negeri Brunei di-tinggalkan oleh Sharif Ali.

Kata-nya "Kota itu di-dirikan keseluruhannya di-atas ayer, kechuali Istana Raja dan rumah2 beberapa orang besar2 negera. Kota itu mengandongi kurang lebeh 25,000 api atau keluarga. Rumah2 semua-nya di-buat daripada kayu dan di-dirikan di-atas tiang kokoh yang tinggi daripada tanah. Bila ayer pasang, perempuan2 dalam perahu mereka telah berjaya di-seluruh kota itu menjual barang2 dagangan sahari2. Di-hadapan Istana Raja itu ada sa-buah Kota yang di-bena dari batu bata yang kukuh, di-mana ada lobang2 yang di-pasangkan meriam2 sa-banyak 56 meriam tembaga dan 6 meriam besi. Waktu kami lalu di-kota itu banyak di-antara meriam2 itu telah di-pasang. Raja Negeri itu ia-lah sa-orang Islam dan nama Baginda ia-lah "Raja Siripada". Umor-nya lebeh 40 tahun dan badan-nya gemok."

Demikian-lah sejarah kemasokkan Islam ka-Brunei, hikayat ini sambong bersambung, terus menerus sampai sekarang. Zaman kita ini, kita hanya-lah melihat dan merasakan kelanjutan dari kemajuan dan perkembangan yang awal. Mudah2an kita akan tetap merasakan-nya sa-panjang hayat di-kandung badan.

KELAS BIMBINGAN SASTERA

BANDAR BRUNEI — Persatuan Sasterawan dan Sasterawani — ASTERAWANI — akan mengadakan Kelas Bimbingan Sastera sa-lama seminggu mulai 4 April hadapan.

Kelas tersebut ada-lah terbuka kepada penulis2 tanah ayer dan pelajar2 yang ingin mengikutinya. Ia-nya akan diadakan di-Bilek Kuliah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei.

Bayaran masuk bagi sa-orang peserta ia-lah \$3.00 dan tarikh penutup tidak lewat dari 22 Mach ini.

Perkara2 yang akan di-ajar dalam kelas tersebut ada-lah mengenai pengertian sastera, prosa, puisi, drama, keritik dan hubongan-nya dengan masyarakat.

Pensharah yang akan memberikan sharahan dalam Kelas Bimbingan Sastera itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohd. Jamil, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Drs. P. Simamora, Idris Ghani, B.A., Raymond Phoa Kim Hong, B.

Ed. (Indonesia), Awang Yahya bin Haji Ibrahim, M.A. (Azhar) dan Awang Mahmud Bakyr.

Sa-siapa yang ingin mengikut Kelas Bimbingan Sastera itu boleh-lah berhubung dengan Setia Usaha ASTERAWANI, Awang Leman Ahmad atau Penolong-nya, Awang Muslim Burmat, di-Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mendapatkan borang2 masuk dan keterangan2 lanjut.

KUBOR2 TERPAKSA DI-PINDAH

TEMBURONG — Tanah perkuboran bagi orang2 China di-Kampung Simang, Pekan Bangar ada-lah terlibat dalam pembenaan jalan raya baru bagi Daerah Temburong.

Satu pengumuman Pejabat Daerah Temburong berkata, kubor2 tersebut akan terpaksa di-pindahkan ka-satu tempat lain di-Kampung Kinalong, Temburong.

Pengumuman itu meminta keluarga2 yang berkenaan supaya berjumba Awang Teo Eng Teck, Kampung Batu Apoi atau Awang Tan Lian Kiat, Pekan Bangar sa-belum perkuboran tersebut di-pindahkan.

Ahli2 J/K baru Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei dalam mashuarat agong-nya yang telah berlangsung baru2 ini telah bersetuju untuk mengadakan kejohanan orang2 baru dalam bulan April ini.

Mashuarat itu juga bersetuju hendak mengadakan kejohanan seluroh negeri dalam bulan Julai atau Ogos hadapan.

Pemenang2 dalam kejohanan negeri ini nanti akan di-

St. Margaret, Chung Hwa johan bola tampar

BANDAR BRUNEI. — Sekolah St. Margaret, Seria telah munculkan sa-bagai johan lelaki dalam perlawanan bola tampar antara sekolah2 menengah apabila ia-nya mengalahkan pasukan Sekolah Menengah Chung Hwa 'B' Brunei, dengan 15—10, 10—15, 15—11 dalam perlawanan akhir yang telah diadakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada hari Jumaat lepas.

Dalam bahagian perempuan, pasukan Sekolah Menengah Chung Hwa telah menjadi johan apabila ia mengalahkan pasukan Maktab Anthony Abell, Seria dengan 15—8, 9—15 dan 15—8.

Sa-banyak 26 pasukan termasuk 10 pasukan perempuan telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Perlawanan2 di-langsung sa-chara kalah mati.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Penyusun Latehan Jasmani, Awang Abdi Manaf bin Penyurat Haji Abu Bakar yang telah menghadihkan piala rebutan dalam kedua2 bahagian.

pilih untuk mewakili Brunei ka-perlawanan untuk merebut Piala Antara Wilayah dan Perisai Gibson.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, persatuan itu juga akan memilih satu pasukan sementara untuk mengambil bahagian dalam perlawanan kejohanan Asia dan jika di-perolehi satu pasukan bagi menyertai kejohanan Commonwealth.

Mashuarat itu dengan sabelat suara telah memilih semula Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammad sa-bagai Yang Di-Pertua, Pengiran Dato Utama Jaya bin Pengiran Haji Rajid sa-bagai Naib Yang Di-Pertua dan Awang S. Palaniandy sa-bagai Setia Usaha Kehormat.

Lain yang di-pilih ia-lah Awang G.V. de Freitas — naib Yang Di-Pertua; Dato P.A. Coates dan Awang Ong Kim Kee — Pengerusi bersama; Awang James Tai — Penolong Setia Usaha dan Awang Mohammad Aini bin Haji Anang — Bendahari Kehormat.

Dato R.D. Ross dan Sheikh Othman bin Sheikh Hanif telah di-Pilih sa-bagai ahli2 jawatankuasa.

Penyemboran ubat DDT di-BelaIt

KUALA BELAIT. — Kaki-tangan Projek Penghapusan Malaria mulai 10 Mach yang lalu telah menjalankan penyemboran ubat DDT di-sembilan buah kampung di-Daerah Belait.

Penyemboran ka-atas sembilan buah kampung yang mempunyai 280 buah rumah dengan ramai penduduk-nya sa-ramai 1,308 orang itu di-jadualkan selesai pada 29 Mach ini.

Menurut rancangan penyemboran ubat DDT, semua pondok2, bangunan2 baru dan lain2-nya akan di-sembor.

Ahli J/Kuasa baru 3PTM

TANJONG MAYA, TUTONG. — Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya, Tutong dalam mashuarat agong-nya yang telah diadakan baru2 ini telah memilih ahli2 jawatankuasa tadbir bagi tahun 1969.

Ahli2 yang di-pilih ada-lah seperti berikut:—

Pengerusi Tetap — Awang Moxsin bin Haji Kadir; Yang Di-Pertua — Awang Mohd. Taib bin Md Said; naib Yang Di-Pertua — Awang Mohd Zain bin Tengah; Setia Usaha Agong — Awang Abd Wahab bin Ali; Setia Usaha Kewangan — Awang Abd Razak bin Bendahari Haji Abd Ghafar; Setia Usaha Ekonomi — Awang Yahya bin Bendahari Haji Abd. Ghafar; Setia Usaha Kebajikan dan Sosial; Awg. Ismail Parun; Setia Usaha Pelajaran dan Penerangan — Awg Rahman bin Abd Ghani; Setia Usaha Kesenian dan Kebudayaan — Dayang Masiah Marsal; Setia Usaha Agama — Awg. Zubaidin Haji Mohd. Yassin dan Setia Usaha Sokan — Awang Yakob bin Haji Sidek.

Sambutan Tahun Baru Islam

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan Bahath Sa-Negeri Brunei, akan di-adakan kerana Sambutan Tahun Baru Islam 1389, anjoran Badan Penerangan Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada hari Rabu malam Khamis 19 Mach, 1969.

Peraduan tersebut akan diadakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei.

Peraduan itu terbuka kepada semua Persatuan2 Belia sa-negeri Brunei yang berdaftar dengan Kerajaan.

Peraduan yang akan diadakan itu ia-lah kemunchak (peraduan akhir) bagi peraduan2 bahath yang telah dan akan di-adakan pada peringkat2 daerah, dan sa-telah diadakan peraduan bahath peringkat sa-paroh akhir.

Peraduan peringkat sa-paroh akhir sa-negeri bagi johan2 daerah akan di-adakan pada hari Jumaat 14 Mach, 1969 jam 8.30 pagi bertempat di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah Bandar Brunei.

Sa-buah sharahan khas akan di-adakan di-malam Sambutan tersebut oleh Yang Mulia Awang Yahya bin Haji Ibrahim M.A. (Al Azhar Universiti), di-selang dengan persembahan sajak dan Nashid.

Orang ramai ada-lah di-persilakan hadir dalam semua peringkat2 peraduan bahath itu.

PERKHIDMATAN HAIWAN DI-LUAR BANDAR

BANDAR BRUNEI. — Peladang2 di-kawasan2 luar bandar boleh mengharapkan bertambah-nya perkhidmatan haiwan apabila tiga orang pemeriksa binatang ternakan dari Jabatan Pertanian pulang ka-tanah ayer kira2 pada

penghujung bulan depan.

Tiga orang pemeriksa itu ia-lah Pengiran Ahmad, Awang Ariffin bin Abdul Rahman dan Awang Teo Boon Pang yang sekarang ini sedang menjalani latehan di-

Malaysia Barat sejak bulan Oktober tahun lepas.

Sa-masa menjalani kursus, mereka juga di-tempatkan di-pusat Penyelidikan Jabatan Pengeluaran Hasil Ternakan Singapura di-Sembawang selama enam minggu.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI

MEKANIK

PALONG IKAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang menjadi raayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Mekanik Palong Ikan di-Jabatan Perikanan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah pernah menjalani latehan di-sekolah Pertukangan dan sa-bagai pelateh yang di-akui dalam bidang Mekanikal/Elektrikal khusus-nya dalam kerja membuat atau menjaga pam2 yang di-jalankan oleh kuasa letrik, yang demikian, mesti-lah mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman menjaga perkakas2 pam serupa itu, ventilation dan jentera penyejok, Mereka mesti-lah mempunyai kebolehan menjaga rekod2 teknikal dan jadual2 serta faham dan boleh membuat kerja2 yang di-perlukan menurut buku2 arahan dan service manuals. Chalun2 hendak-lah berhak mendapat Sijil Kecekapan juru Mekanik dari Jabatan Letrik, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB 5 — \$380 x 20 - 480 x 20 - 620/EB/640 x 20 - 700. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Tugas2:

Menjaga dan memperbaiki semua perkakas2 teknik Palong Ikan dan memasang perkakas2 baru.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Mach, 1969.

Tukang Kebun / Pemberseh

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada raayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian bagi memenohi jawatan tukang Kebun/Pemberseh di-Balai Polis Daerah Kuala Belait, Hanya orang2 yang tinggal atau berdekatan di-daerah ini di-kehendaki memohon.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$160 x 5 — 175/EB/180x5 — 195.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 31 Mach, 1969.

SA-BAGAI PENYELANGGARA

SETOR TINGKAT II

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang menjadi raayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sebagai Penyelenggara Setor Tingkat II di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 yang di-lantek mesti-lah mencapai umur 17 tahun dan hendak-lah lulus sekurang2-nya Form III Ing-

geris atau yang bersamaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.2 EB 3 — \$270 x 15 — 360/EB/380 x 20 — 480.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 22 Mach, 1969.

Sa-bagai Penyelenggara Setor

Tingkat III

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang menjadi raayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat III di-Jabatan Talikom, Brunei.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II Inggeris atau yang bersamaan dengan-nya; dan

b) Mempunyai sedikit pengetahuan dalam kerja2 setor

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1 - 2 EB 3 — \$200x10 - 270/EB/280x10 - 330.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 23 Mach 1969.

Sa-bagai Merbut

— \$170 x 5 - 210/220 x 10 - 250.

Pemohonan2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Mach, 1969.

Sa-bagai Pemandu

Tingkat II

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang menjadi raayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Pemandu Tingkat II di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman serta boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.

Tugas:

Pemohon2 hendak-lah bersedia menjalankan tugas2 siang atau malam di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$200x5 - 220.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 27 Mach 1969.

Sa-bagai

Merinyu Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang menjadi raayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Merinyu Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu berumur di-antara 20 hingga 35 tahun dan mengetahui ilmu dan rukun2 Ugama Islam.
- Satu peperiksaan akan diadakan mengenai pengetahuan Hal Ehwal Ugama Islam.
- Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 3 — \$280 x 10 - 330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Mach, 1969.

SA-BAGAI PENULONG LADANG IKAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang terdiri dari raayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Penulong Ladang Ikan di-Jabatan Perikanan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam bidang memelihara ikan dan mempunyai sedikit pengetahuan dalam bahasa Inggeris.

Tugas2:

Jawatan ini bersangkutan dengan kerja buroh dan pemohon yang berjaya akan di-kehendaki tinggal berdekatan dengan ladang ikan ini di-kawasan Kampong Tungku.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$200 x 10 - 270/EB/280 x 10 - 330.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Mach, 1969.

BRUNEI SERTAI SIDANG MAJLIS AIDC DI-BANGKOK

BANDAR BRUNEI. — Brunei telah menyertai sidang keempat Majlis Kemajuan Perusahaan Asia — AIDC — yang telah berlangsung di-ibu pejabat ECAFE di-Bangkok dalam bulan lepas.

Wakil kerajaan ia-lah Awang Kassim bin Daud dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan Penasihat Ekonomi, Dato Dr. Joseph Gould; sa-bagai penasihat.

Awang Kassim menyatakan bahawa persidangan itu telah membincangkan dan menerima laporan2, termasuk shor2 beberapa badan penyelidikan dan rombongan pengkajian yang di-anjarkan oleh majlis itu.

Sidang itu juga membuat keputusan untuk mengambil langkah2 lanjut bagi penubuhan badan2 pakar untuk memimpin dan menasihati negara2 anggota dalam memajukan perusahaan2 seperti besi waja, kimia petrol dan jentera pertanian.

Awang Kassim berkata, perwakilan kerajaan Brunei telah menyatakan keinginan kerajaan dalam meneruskan usaha mengadakan kilang2 kimia petrol yang berdasarkan kepada penggunaan gas2 asli yang di-dapati di-Brunei.

AIDC mengandungi perwakilan kerajaan dari tiap2 anggota daerah dan negara anggota yang bersekutu dengan ECAFE. Ia-nya juga termasuk beberapa agency Bangsa2 Bersatu.

Awang Kassim menyatakan Majlis AIDC ia-lah sa-buah badan bertindak yang mene-

kankan kepada kemajuan projek2 perusahaan yang tertentu termasuk usaha bersama yang berdasarkan kepada daerah dan daerah kecil.

Ia-nya sentiasa mengkaji rancangan kemajuan perusahaan negara2 anggota dengan tujuan mencapai penyelarasan.

Majlis AIDC juga bekerjasama dengan negara2 yang berkenaan dalam projek2 bersama yang akan memberi faedah kepada dua atau lebih banyak lagi negara2 di-daerah ECAFE.

FORUM M.B.B.

BANDAR BRUNEI — Satu majlis forum yang di-anjarkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei akan di-adakan di-Dewan Raya, Bandar Brunei pada 15 Mach ini mulai pukul 7.30 malam.

Tajuk yang akan di-bincangkan dalam majlis tersebut ia-lah 'Ajaran2 Al-Koran Ada-lah Sesuai Dengan Perkembangan Dunia Modern'.

Majlis forum itu di-jadualkan di-adakan pada 22 Februari lepas tetapi di-batalkan oleh kerana kemangkatan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Di-Gadong pada hari itu.

Tiga orang pencheramah akan mengambil bahagian dalam majlis tersebut.

Orang ramai terutama-nya kapada beliau2 di-tanah ayer ada-lah di-persilakan hadir ka-majlis tersebut.

Jemaah2 haji Brunei pulang hari ini

BANDAR BRUNEI — Sa-ramai 236 orang Jema'ah Haji Brunei di-jadualkan pulang ka-tanah ayer dengan kapal terbang khas Britannia hari ini dan esok, sa-telah Jema'ah2 Haji itu menunaikan fardhu Haji di-Mekah.

Di-sebabkan kapal terbang Britannia yang membawa mereka dari Jeddah hanya dapat mendarat di-lapangan terbang Labuan, maka Jema'ah2 Haji itu akan di-terbangkan ka-Bandar Brunei dari Labuan dengan kapal terbang Malaysia Singapore Airlines dalam lima kali penerbangan tiap2 sa-hari.

Penerbangan pertama yang di-jangka tiba di-lapangan terbang Berakas hari ini ia-lah pada pukul 11.50 pagi, sementara yang lain-nya di-jadualkan tiba pada pukul 1.00 tengah hari; 2.10; 3.20 dan 4.40 petang.

Sa-ramai 122 orang Jema'ah Haji itu akan tiba hari ini, di-antara-nya termasuk-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Muda Kamaluddin dan Pegawai Tanah Kanan, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Anakda Pengiran Haji Ahmad.

Sa-ramai 114 orang dari Jema'ah Haji itu akan tiba esok dalam lima penerbangan yang sama, di-antara-nya termasuk-lah Pengusa Pelajaran Melayu, Haji Awang Nordin bin Abd. Latif dan Timbalan Juru-



Lori2 buatan British jenis Sherpa ini ia-lah untuk di-kiriskan ka-Brunei yang akan digunakan untuk kerja pembinaan jalan raya menuju ka-lapangan terbang antara bangsa Brunei. Kontrek yang berharga 200.000 paun itu ia-lah bagi membekalkan 26 buah lori jenis Sherpa dan tiga buah lori 'Mountaineer' dan juga barang2 pengganti.

Di-bena di-atas rangka Leyland-Scammell, tiap lori Sherpa yang berat-nya 22 tan itu mempunyai petak muatan yang di-perbuat dari besi waja yang ukuran isinya 9 hingga 11 ela.

Lori2 jenis Mountaineer yang berat-nya 22½ tan ada-lah di-reka untuk kerja yang lebih berat dan di-lengkapkan dengan petak muatan yang sama dengan lori jenis Sherpa.

Chatuan ayer di-perluas

BANDAR BRUNEI — Bekalan ayer di-Daerah Brunei-Muara telah di-kurangkan lagi mulai 9 Mach yang lalu oleh kerana simpanan ayer di-kolam ayer Tasek sekarang ini semakin berkurangan di-sebabkan kemarau panjang sejak awal tahun ini.

Kawasan di-Bandar Brunei hanya mendapat bekalan ayer sa-lama 12 jam ia-itu dari pukul 6.00 pagi hingga 6.00 petang.

Sementara di-kawasan Jalan Muara dan Jalan Berakas ka-utara pusat pemancar radio akan di-bekalkan pada waktu malam ia-itu mulai dari pukul 6.00 petang hingga 6.00 pagi.

Di-Muara bekalan ayer hanya di-adakan sa-lama empat jam sa-hari ia-itu dari pukul 7.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Sekatan yang sama juga di-kenakan di-Daerah Tutong.

Bekalan ayer dari tempat simpanan ayer Sungai Basong hanya di-adakan sa-lama 12 jam sa-hari ia-itu dari pukul 6.00 pagi hingga 6.00 petang.

Jurutera Ayer, Awang Campbell berkata, tempat simpanan ayer Tasek sekarang ini mempunyai kurang dari sa-tengah dari jumlah simpanan-nya.

Kata-nya, jika kemarau ini berpanjangan, bekalan ayer mungkin terpaksa di-potong lagi.

tera Negara, Haji Awang Talib bin Derwish.

Sementara itu, sa-ramai 148 orang lagi Jema'ah Haji Brunei yang menaiki kapal Haji 'ANSHUN' telah bertolak pada 10 Mach dari Jeddah dan Jema'ah Haji itu di-jadualkan tiba di-Labuan pada 28 Mach ini.

Projek perkembangan Daerah Belait

(Dari Muka 1)

Mengenai tanah kawasan tempat membuat arak itu, Awang Zainal ingin tahu sama ada kedudukan tanah itu di-khas bagi perusahaan ringan dan tentang kedudukan geran-nya.

Jawapan itu menyatakan, kawasan tersebut memang di-khaskan untuk perusahaan ringan dan di-punyai chara bergerak sa-bagai ganti tanah yang di-ambil oleh Kerajaan.

Yang Mulia Awang Mohd. Noor bin Abd. Latif menyatakan keraguan-nya tentang tegahan pelajaran kerate di-negeri ini sama ada pelajaran itu benar2 tidak di-amalkan atau sebaliknya.

Menurut jawapan dari soalan tersebut bahawa sepanjang yang di-ketahui pelajaran kerate itu memang tidak di-amalkan.

Awang Ismail bin Duraman in-

gin tahu bila-kah Kerajaan mengadakan sa-buah ambulance khas untuk membawa orang2 sakit dari Setia ka-Rumah Sakit Kuala Belait.

Jawapan itu menyatakan bahawa orang2 sakit dari Setia yang akan di-bawa ka-Rumah Sakit Kuala Belait dengan serta-merta boleh menggunakan ambulance dari Sharikat Minyak Shell atau kenderaan dari Balai Polis Di-Raja, Setia.

Menerangkan antara projek2 yang akan di-jalankan, Pengiran Dato Paduka Momin berkata, kerajaan sekarang menjalankan kerja memperbaiki bekalan ayer di-daerah itu.

Beliau berkata, Pejabat Tanah telah mendapatkan lima belas pam ayer dan kerja memasang penapis2 ayer kepada pam2 itu sekarang sedang di-jalankan.

Majlis Keselamatan Jalan Raya

(DARI MUKA 1)

Jawapan bagi usul itu telah menyatakan bahawa pembenaan klinik yang di-maksudkan itu adalah tidak perlu, kerana lawatan klinik ada-lah sentiasa di-adakan di-Balai Raya kampung itu dan memandangkan kapada sedikit-nya orang2 yang berkehendakkan rawatan di-kawasan tersebut.

Dalam sidang yang ke-tiga itu juga, Awang Morni bin Abang Ahmad (Danau) telah mengusulkan supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat mengadakan chawangan-nya di-Tutong.

Usul beliau itu, menurut kertas jawapan, akan di-siasat mengenai kemungkinan bagi mengadakan chawangan Jabatan yang di-maksudkan.

Awang Abdul Manan bin Pulong (Tanjong Maya) dalam sidang yang ke-empat tahun lepas telah mengusulkan supaya Kerajaan dapat membangun sa-buah klinik di-Kampung Tanjong Maya memandangkan kapada kedudukan kampung tersebut yang terpisah jauh dari bandar dan sukar-nya mendapatkan kenderaan2.

Jawapan ka-atas usul beliau itu telah menyatakan bahawa pembenaan klinik di-kampung tersebut memang di-chadangkan dan akan di-laksanakan dalam sedikit masa lagi.